



bep

# BANCI EKONOMI PERUSAHAAN/PERNIAGAAN

## *Economic Census of Enterprises*

# 2016

PANDUAN BAGI MENGISIKAN BORANGTANYA  
*Guide for Completing Questionnaire*

Jabatan Perangkaan  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE)  
Jabatan Perdana Menteri

*Department of Statistics  
Department of Economic Planning and Development (JPKE)  
Prime Minister's Office*

**KANDUNGAN**  
**Contents**

<b>Bahagian</b> <b>Section</b>	<b>Perkara</b> <b>Item</b>	<b>Mukasurat</b> <b>Page</b>
A	Keterangan Am <i>General Particulars</i>	3 20
B	Keterangan Pekerja <i>Employment Particulars</i>	7 24
C	Pendapatan <i>Revenue</i>	9 27
D	Perbelanjaan <i>Expenditure</i>	11 28
E	Jualan mengikut Jenis Pembeli/ Pengguna/ Pelanggan <i>Sales/ Receipts by Type of Purchaser/ Consumer/ Client</i>	12 29
F	Perbelanjaan bagi Bahan/ Barang mengikut Sumber <i>Expenditure on Materials/ Goods by Sources</i>	13 29
G	Perbelanjaan Modal dan Nilai Harta Tetap <i>Capital Expenditures and Value of Fixed Assets</i>	13 29
H	Maklumat Bulanan 2015 & 2016 <i>2015 &amp; 2016 Monthly Information</i>	14 30
I – J	Transaksi Perkhidmatan Antarabangsa <i>International Services Transactions</i>	14 31
K	Nilai Inventori/ Stok <i>Inventory/ Stock</i>	17 33
L	Situasi Perniagaan bagi Tahun 2016 & 2017 <i>Business Situation for 2016 &amp; 2017</i>	17 33
M	Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi <i>Use of Info-Communication Technology</i>	18 34
N	Maklumat Tambahan <i>Additional Information</i>	18 34
O	Pengakuan <i>Declaration</i>	18 34

# BANCI EKONOMI PERUSAHAAN/PERNIAGAAN (BEP) 2016

## PANDUAN BAGI MENGISIKAN BORANGTANYA

### 1. PENGENALAN

- 1.1 Banci Ekonomi Perusahaan/Perniagaan (BEP) 2016 dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan meliputi semua syarikat-syarikat perusahaan/perniagaan yang aktif beroperasi menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Banci Ekonomi ini dijalankan di bawah **Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam**. Segala keterangan yang diberikan akan dirahsiakan dan akan digunakan untuk keperluan perangkaan sahaja.
- 1.3 Tujuan banci ini adalah untuk akan mengumpulkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai aktiviti ekonomi, profil syarikat, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan/perniagaan serta keterangan pekerja, bagi tahun rujukan 2015.
- 1.4 Bagi sebarang maklumat dan penerangan lanjut, sila hubungi:

Seksyen Akaun Negara  
Jabatan Perangkaan  
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
2A, Jalan Ong Sum Ping  
Bandar Seri Begawan BA1311  
Tel : 2230251,  
2233344 samb. 421/422/431/432/433  
Fax : 2230236  
E-mel : [economic.census@jpke.gov.bn](mailto:economic.census@jpke.gov.bn)

## **2. PANDUAN AM**

- 2.1 Borangtanya hendaklah diisikan oleh pemilik, pengurus atau akauntan yang dilantik oleh perusahaan/perniagaan.
- 2.2 Semua nilai hendaklah dilaporkan dalam **Ringgit Brunei (BND)** yang terhampir.
- 2.3 Syarikat sendirian berhad dan perusahaan/perniagaan yang ada menyediakan laporan dan penyata kewangan tahunan hendaklah memberikan salinan Kunci Kira-Kira, Akaun Untung Rugi dan Catatan pada Akaun-Akaun bagi tahun 2015.

## **3. PANDUAN TEPERINCI**

- 3.1 Borangtanya ini dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:
  - A : Keterangan Am
  - B : Keterangan Pekerja
  - C : Pendapatan
  - D : Perbelanjaan
  - E : Jualan mengikut Jenis Pembeli/Pengguna/Pelanggan
  - F : Perbelanjaan bagi Bahan/Barang mengikut Sumber
  - G : Perbelanjaan Modal dan Nilai Harta Tetap
  - H : Maklumat Bulanan 2015 & 2016
  - I - J : Transaksi Perkhidmatan Antarabangsa
  - K : Nilai Inventori/ Stok
  - L : Situasi Perniagaan bagi Tahun 2016 & 2017
  - M : Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi
  - N : Maklumat Tambahan
  - O : Pengakuan

## **BAHAGIAN A: KETERANGAN AM**

### **3.2 Nama dan Alamat Perusahaan/Perniagaan**

Jika terdapat sebarang perubahan pada nama atau alamat syarikat perusahaan/perniagaan, sila nyatakan di ruang yang disediakan.

### **3.3 Bilangan Pendaftaran Perusahaan/Perniagaan**

Sila berikan bilangan Pendaftaran syarikat perusahaan/perniagaan seperti yang diberikan di Bahagian Pendaftar Nama-Nama Perniagaan dan Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat (ROCBN), Kementerian Kewangan. Bagi syarikat perusahaan/perniagaan yang belum pernah terlibat dalam BEP sebelum ini, sila lampirkan salinan sijil pendaftaran berkenaan.

### **3.4 Tarikh Pendaftaran**

Sila nyatakan tarikh pendaftaran syarikat perusahaan/perniagaan.

### **3.5 Tarikh Memulakan Perusahaan/Perniagaan**

Sila nyatakan tarikh memulakan syarikat perusahaan/perniagaan.

### **3.6 Jenis Pertubuhan**

Sila tandakan  di dalam ruang yang bersesuaian samada syarikat perusahaan/perniagaan berkenaan:

1. Milik sendiri
2. Perkongsian
3. Cawangan Syarikat Luar Negeri
4. Syarikat Sendirian Berhad
5. Lain-lain, seperti kerjasama dan institusi tanpa untung, sila nyatakan

### **3.7 Status Aktiviti**

Sila tandakan  di dalam ruang yang bersesuaian bagi tahun - tahun 2015 dan 2016. Jika syarikat perusahaan/perniagaan beroperasi, sila nyatakan tarikh bagi tempoh beroperasi. Contohnya, jika beroperasi

sepanjang tahun 2015, isikan Mulai 1 Januari hingga 31 Disember.  
Jika tidak beroperasi, sila nyatakan sebab-sebabnya.

**3.8 Tempoh Laporan**

Sila nyatakan tarikh bagi tempoh perakaunan syarikat perniagaan/perusahaan awda. Sekiranya tidak sama dengan tahun kalender, sila berikan maklumat yang diperlukan mengikut tempoh perakaunan syarikat perusahaan/perniagaan. Sila nyatakan juga nama firma akauntan yang dilantik, jika ada.

**3.9 Jenis Aktiviti Perusahaan/Perniagaan & Sumbangan Pendapatan**

Sila terangkan dengan jelas aktiviti yang dijalankan dengan menyatakan jenis barang yang dikeluarkan/ dijual atau perkhidmatan yang diberikan. Jika mempunyai lebih dari satu jenis aktiviti, sila nyatakan aktiviti yang utama, diikuti aktiviti yang lain mengikut susunan keutamaan dan berikan sumbangan dalam peratus setiap aktiviti kepada pendapatan semasa perusahaan/perniagaan.

Nota: Aktiviti utama ialah aktiviti yang menyumbangkan pendapatan yang terbesar.

**3.10 Pelaburan di Luar Negara**

Sila tandakan ✓ di dalam ruang yang bersesuaian samada syarikat perusahaan/perniagaan awda melabur di luar negara.

**3.11 Aktiviti Francais**

Sila tandakan ✓ di dalam ruang yang bersesuaian samada syarikat perusahaan/perniagaan awda terlibat dalam aktiviti francais, dan nyatakan syarikat pemberi francais jika ada.

**3.12 Perkhidmatan Antarabangsa**

Sila tandakan ✓ di dalam ruang yang bersesuaian samada syarikat perusahaan/perniagaan awda membekal / menerima perkhidmatan ke / dari luar Negara Brunei Darussalam.

### **3.13 Cawangan**

Jika syarikat perusahaan/perniagaan mempunyai cawangan lain di negara ini yang menggunakan nama syarikat yang sama dan keterangan pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap cawangan diliputi ke dalam satu penyata akaun yang sama, sila senaraikan alamat cawangan tersebut serta maklumat berikut:

1. Alamat dan Nombor telefon
2. Bulan dan tahun dimulakan
3. Keluasan lantai (meter persegi) adalah dimaksudkan bangunan atau struktur yang digunakan bagi maksud syarikat perusahaan/perniagaan termasuk yang dimiliki sendiri atau dengan sewa percuma, tetapi tidak termasuk kawasan yang disewakan kepada pihak lain, kawasan terbuka, tempat meletak kereta terbuka dan tempat kediaman pekerja.
4. Ramai pekerja
5. Sumbangan (%) kepada pendapatan

Sebaliknya, jika setiap cawangan mempunyai penyata akaun sendiri, sila hantarkan keterangan bagi setiap cawangan dengan menggunakan borangtanya yang berasingan.

### **3.14 Pelabur Utama Syarikat sehingga 31.12.2015**

Pelabur boleh termasuk orang perseorangan, perusahaan, kerajaan atau pertubuhan lain.

Butir-butir bagi pelabur yang mempunyai kurang daripada 10 peratus saham boleh dilaporkan secara kumpulan.

Sila nyatakan jenis saham, sebagai contoh, saham biasa dan saham pilihan. Peratusan saham-saham (atau sebanding) untuk semua pelabur hendaklah berjumlah 100 peratus.

#### **A. Residen Negara Brunei Darussalam**

Sila nyatakan nama pemegang saham/pelabur residen serta maklumat nombor dan warna kad pintar.

Nota: Residen ialah mana-mana perseorangan, perusahaan atau pertubuhan lain yang biasanya tinggal di Negara Brunei Darussalam. Cawangan Negara Brunei Darussalam dan subsidiari-subsidiari syarikat bukan residen adalah residen Negara Brunei Darussalam.

#### **B. Residen Negara Asing (Bukan Residen)**

Sila nyatakan nama pemegang saham/pelabur bukan residen, maklumat nombor dan warna kad pintar serta negeri residen.

Nota: Bukan residen ialah mana-mana perseorangan, perusahaan atau pertubuhan lain yang biasanya tinggal di negara lain selain Negara Brunei Darussalam. Cawangan-cawangan asing dan subsidiari syarikat-syarikat Negara Brunei Darussalam adalah bukan residen.

#### **3.15 Penyata Perubahan Dalam Ekuiti/Akaun Ibu Pejabat bagi Penghujung Tahun 31.12.2015**

Modal yang dikeluarkan dan modal berbayar termasuk saham dan ekuiti lain seperti pelaburan di cawangan (yuran ibu pejabat) dan perkongsian di Negara Brunei Darussalam.

Pendapatan tertahan mewakili pendapatan tertahan yang terkumpul, yang berkemungkinan negatif.

Rizab-rizab lain termasuk semua jenis rizab dikenal pasti sebagai ekuiti dalam kunci kira-kira syarikat apabila garis panduan perakaunan menganggap mereka komponen ekuiti pemilik.

Tambahan kepada modal termasuk pemerolehan saham-saham tambahan dan pemindahan dari Ibu Pejabat asing (cawangan).

Keuntungan (kerugian) operasi bersih hendaklah dilaporkan selepas cukai.

## **BAHAGIAN B : KETERANGAN PEKERJA**

3.16 Sila catatkan jumlah pekerja pada 30.6.2015 mengikut pecahan pekerja tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) dan pekerja bukan tempatan (penduduk sementara), lelaki dan perempuan dan kategori berikut :

- A Pemilik yang bekerja /rakan niaga yang aktif** ialah pemilik/rakan niaga yang giat menjalankan aktiviti perusahaan. Jika pemilik/rakan niaga tersebut giat menjalankan lebih dari satu perusahaan/perniagaan, pemilik/rakan niaga berkenaan hendaklah dicatatkan di dalam satu perusahaan/perniagaan sahaja.
- B Pekerja bergaji, sepenuh masa** ialah pekerja yang bekerja sekurang-kurangnya 30 jam seminggu dan menerima gaji secara tetap.
- C Pekerja bergaji, sambilan** ialah pekerja yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu dan menerima gaji mengikut jam bekerja.
- D Pekerja keluarga yang tidak bergaji** adalah terdiri daripada ahli keluarga atau saudara yang bekerja di dalam perusahaan/perniagaan tetapi tidak menerima gaji secara tetap. Kategori ini hanyalah bagi perusahaan milik sendiri atau perkongsian.

Nota: **Melayu** terdiri daripada tujuh (7) puak jati Brunei yang asli iaitu Melayu Brunei, Melayu Tutong, Melayu Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut.

3.17 **Pekerja bergaji, sepenuh masa** hendaklah diberikan bilangannya mengikut kategori pekerjaan seperti berikut:

- B.1 Pengurusan** merujuk kepada pekerja yang bertanggungjawab bagi hal-hal pengurusan syarikat perusahaan/perniagaan dalam membuat dasar, perancangan dan memberikan arahan bagi perlaksanaan aktiviti syarikat perusahaan/perniagaan. Tanggungjawab pengurusan ini samada bagi syarikat perusahaan/perniagaan secara

keseluruhan atau bagi sesuatu bahagian/seksyen di bawah syarikat perusahaan/perniagaan berkenaan.

**B.2 Profesional** merujuk kepada pekerja yang diberikan tanggungjawab yang memerlukan mereka mempunyai kelulusan pada peringkat ijazah ke atas atau sebanding, contohnya akauntan, jurutera, peguam dan seumpamanya.

**B.3 Teknikal dan pengawasan** merujuk kepada pekerja yang diberikan tugas menjalankan penyelidikan teknikal atau pemantauan kualiti di bawah penyeliaan seorang profesional. Manakala, pekerja pengawasan bertanggungjawab bagi mengawasi perlaksanaan sesuatu aktiviti perusahaan yang tertentu. Pekerja dalam kategori ini selalunya memerlukan kelulusan pada peringkat diploma tertinggi atau yang sebanding.

**B.4 Perkeranian** merujuk kepada pekerja yang tanggungjawab bagi menyusun dan menyelaras rekod-rekod kewangan dan pentadbiran syarikat perusahaan/perniagaan.

**B.5 Perkhidmatan dan penjualan** merujuk kepada pekerja yang ditugaskan sebagai pembantu jualan dan pemasaran, penyambut tetamu dan seumpamanya.

**B.6 Pekerja pengeluaran dan pengendalian** merujuk kepada pekerja yang menjalankan aktiviti pengeluaran seperti pemerosesan, pemasangan, pembungkusan, pemberian dan pemeliharaan dan seumpamanya.

**B.7 Pekerja am** merujuk kepada pekerja yang menjalankan tugas am seperti pemandu, operator telefon, peon, penghantar surat/barang, pengawal keselamatan dan seumpamanya.

3.18 **Pekerja bergaji, sepenuh masa** hendaklah juga dinyatakan bilangannya mengikut kategori kelulusan tertinggi seperti berikut:

1. Ijazah lanjutan
2. Ijazah Sarjana Muda atau yang sebanding
3. Diploma Lanjutan atau yang sebanding
4. Diploma/Sijil Teknikal/Vokasional
5. Pendidikan menengah
6. Pendidikan rendah atau ke bawah

**Ijazah Lanjutan** merujuk kepada ijazah sarjana ke atas (Master atau Ph.D) dari institusi pengajian tinggi samada dalam atau luar negara.

**Ijazah Sarjana Muda atau yang sebanding** merujuk kepada ijazah pertama atau sarjana muda dari institusi pengajian tinggi samada dalam atau luar negara, dan termasuk juga diploma lanjutan atau kelulusan professional yang setaraf dengan ijazah pertama universiti.

**Diploma Lanjutan atau yang sebanding** merujuk kepada diploma yang bertaraf di bawah ijazah pertama dari kolej atau instistusi pengajian samada dalam atau luar negara, contohnya, Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

**Diploma/Sijil Teknikal/Vokasional** merujuk kepada diploma atau sijil dari maktab atau kolej teknikal/vokasional samada dalam atau luar negara, contohnya Diploma Kebangsaan (ND).

**Pendidikan menengah** merujuk kepada lulus atau mengikuti pendidikan menengah dari Tahun 7 hingga Tahun 11, lulus Tingkatan 6 atau yang sebanding.

**Pendidikan rendah atau kebawah** merujuk kepada lulus atau mengikuti pendidikan rendah dari Tahun 1 hingga Tahun 6 atau yang sebanding , atau tidak pernah mengikuti pendidikan secara formal.

3.19 Bagi pekerja bergaji sepenuh masa, sila nyatakan jumlah bayaran yang diberikan bagi tahun rujukan mengikut pecahan pekerja tempatan dan bukan tempatan dan jenis bayaran seperti berikut:

1. Gaji dan upah
2. Caruman bagi Tabung Amanah Pekerja (untuk pekerja tempatan sahaja)
3. Caruman bagi Skim Persaraan Caruman Tambahan (untuk pekerja tempatan sahaja)
4. Lain-lain kemudahan

### **BAHAGIAN C : PENDAPATAN**

3.20 Pendapatan dari aktiviti perusahaan/perniagaan ialah bayaran yang telah diterima atau akan diterima yang berkaitan dengan aktiviti utama dan lain-lain aktiviti perusahaan/perniagaan yang dijalankan dalam tahun rujukan, samada dalam bentuk:

- a) penjualan barang-barang (misalnya, bagi aktiviti perkilangan, borong dan runcit),
  - b) perkhidmatan yang telah diberikan (misalnya bagi aktiviti perkhidmatan profesional, perniagaan, kemasyarakatan, sosial dan persendirian),
  - c) nilai kerja yang telah dilaksanakan (misalnya bagi aktiviti pembinaan),
  - d) pendapatan sewa dari tanah, bangunan/binaan, dan mesin-mesin dan peralatan, dan
  - e) lain-lain pendapatan dari aktiviti perusahaan/ perniagaan.
- 3.21 **Jualan barang untuk dijual semula dalam keadaan yang sama** ialah pendapatan dari jualan barang yang dibeli oleh perusahaan/perniagaan untuk dijual semula dalam keadaan yang sama atau tanpa sebarang pemerosesan lanjut atau perubahan kecuali pembungkusan.
- 3.22 **Jualan lain-lain barang** ialah pendapatan dari barang selain daripada yang disebutkan di atas. Sila nyatakan barang tersebut, misalnya buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain.
- 3.23 **Pendapatan dari perkhidmatan** yang diberikan ialah pembayaran yang telah dan akan diterima bagi perkhidmatan yang telah diberikan dalam tahun rujukan, seperti:
- a) kerja-kerja pembinaan
  - b) perkhidmatan perindustrian seperti kerja-kerja pembuatan atau pemerosesan dan pembinaan yang menggunakan bahan yang disediakan oleh pelanggan
  - c) perkhidmatan profesional seperti peguam, akauntan, arkitek, perkhidmatan perubatan dan seumpamanya
  - d) lain-lain perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian
- 3.24 **Nilai daripada kerja pembinaan yang telah dilaksanakan oleh perusahaan/perniagaan pembinaan atau lain-lain perusahaan** ialah bagi kerja yang telah disiapkan sepenuhnya atau

sebahagiannya oleh syarikat pembinaan tersebut dalam tahun rujukan. Bagi syarikat-syarikat lain, ini merujuk kepada nilai pembinaan sendiri bangunan atau lain-lain pembinaan.

- 3.25 Sila nyatakan lain-lain pendapatan termasuk pendapatan sewa dan pendapatan bukan dari aktiviti perusahaan/perniagaan seperti pendapatan dari faedah, dividen, keuntungan dari penjualan harta tetap dan lain-lain pendapatan dari pelaburan.

**Subsidi yang diterima daripada Kerajaan** merujuk kepada insentif kewangan yang diberikan oleh Kerajaan untuk unit perniagaan bagi menurunkan harga unit perniagaan yang dikenakan pada barang atau perkhidmatan. Pada hakikatnya, unit perniagaan akan menyediakan barang atau perkhidmatan pada harga yang lebih rendah kepada pembeli agar pelanggan yang membeli barang atau perkhidmatan tersebut akan dapat menikmati kelebihan tersebut.

#### **BAHAGIAN D : PERBELANJAAN**

- 3.26 Perbelanjaan bagi aktiviti perusahaan/perniagaan ialah jumlah yang telah dibayar dan akan dibayar bagi pembelian barang dan perkhidmatan dalam tahun rujukan. Perbelanjaan ini termasuk pembelian barang, sewa bangunan, peralatan kenderaan dan mesin dan peralatan, sewa tanah, pembayaran kerja yang di sub-kontrak, perkhidmatan elektrik dan air, telekomunikasi, perkhidmatan profesional seperti undang-undang dan perakaunan, pengiklanan, percetakan, susutnilai dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi perusahaan/perniagaan.
- 3.27 **Bagi Perkara 22 Perbelanjaan operasi lain**, sila berikan maklumat perbelanjaan yang tidak dipermodalkan sahaja sebagai contoh perbelanjaan R&D yang tidak dipermodalkan. Manakala, perbelanjaan R&D yang dimodalkan hendaklah dinyatakan di Bahagian G.

3.28 **Bayaran pekerja** ialah bayaran kepada pekerja bergaji, samada sepenuh masa atau sambilan, pengarah dan rakan niaga yang bekerja.

**Peruntukan bagi susutnilai** ialah nilai yang diperuntukkan bagi kekurangan nilai semasa bangunan dan binaan lain, kenderaan dan peralatan disebabkan oleh terlalu lama digunakan atau kerosakan biasa.

3.29 Lain-lain perbelanjaan termasuk lain-lain perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan operasi perusahaan/perniagaan seperti bayaran cukai, pembayaran faedah-faedah pinjaman, bayaran dividen, derma dan seumpamanya.

#### **BAHAGIAN E : JUALAN MENGIKUT JENIS/ MEMBELI/ PENGGUNA/ PELANGGAN**

3.30 Sila nyatakan pendapatan yang diperolehi dari aktiviti perusahaan/perniagaan mengikut jenis pembeli, pengguna atau pelanggan seperti berikut:

- a) Pengguna perseorangan atau isi rumah
- b) Syarikat atau perusahaan/perniagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam
- c) Kerajaan dan Institusi Awam seperti sekolah dan rumah sakit
- d) Pelanggan Luar Negara (eksport)

**Nota:** Jumlah jualan hendaklah diberikan dalam BND. Bagi soalan nombor 1 hingga 2 pada bahagian ini, awda boleh memberikan anggaran dalam peratus (%) sahaja jika nilai sebenar dalam BND tidak diperolehi.

**BAHAGIAN F : PERBELANJAAN BAGI BAHAN/ BARANG MENGIKUT SUMBER**

- 3.31 Sila nyatakan sumber bahan mentah yang digunakan dan barang yang dibeli untuk dijual semula, samaada
- Buatan tempatan;
  - Barangan import.

**BAHAGIAN G : PERBELANJAAN MODAL DAN NILAI HARTA TETAP**

- 3.32 Harta tetap ialah barang tahan lama yang mempunyai jangkaan hayat penghasilan melebihi dari satu tahun. Sila nyatakan nilai bagi pembelian atau pembinaan, pengubahsuaian atau pemberian yang besar dan penjualan atau pelupusan harta tetap bagi syarikat perusahaan dalam tahun rujukan (atau perakaunan) mengikut kategori.
- 3.33 Sila nyatakan perbelanjaan modal pada tahun rujukan, misalnya bagi pemberian tanah, penyelidikan dan perkembangan, carigali mineral dan lain-lain. Bagi penyelidikan dan perkembangan, perbelanjaan termasuk perbelanjaan mesin dan peralatan seperti komputer dan perisian komputer yang digunakan khusus bagi penyelidikan dan perkembangan sahaja.
- 3.34 Harta yang diperoleh dengan percuma daripada pertubuhan lain di bawah hak milik yang sama, hendaklah dinilaikan seperti dibeli dari luar pertubuhan.
- 3.35 Bagi perkara 10, sila laporkan nilai harta yang masih dalam pembinaan atau pemasangan tetapi belum dipermodalkan.

## **BAHAGIAN H : MAKLUMAT BULANAN 2015 & 2016**

- 3.36 Sila bekalkan maklumat **jumlah pekerja, bayaran pekerja, jualan/penerimaan atau pendapatan dan perbelanjaan operasi dari aktiviti perusahaan/perniagaan** secara bulanan bagi tahun 2015 dan 2016 (Januari hingga Jun). Walau bagaimanapun, awda dikehendaki untuk membekalkan maklumat jangkaan bermula Julai hingga Disember 2016. Maklumat ini diperlukan sebagai asas untuk penyusunan penunjuk-penunjuk ekonomi bulanan.

### **Jualan/Penerimaan**

Catatkan bayaran yang telah diterima atau akan diterima yang berkaitan dengan aktiviti perusahaan/perniagaan yang dijalankan dalam suku tahun, misalnya penjualan barang, perkhidmatan yang diberikan, nilai kerja yang telah dilaksanakan, pendapatan sewa dari bangunan/binaan dan mesin & peralatan, dan lain-lain pendapatan dari aktiviti perusahaan/perniagaan.

### **Perbelanjaan Operasi**

Catatkan bayaran yang telah dibayar atau akan dibayar bagi pembelian barang dan perkhidmatan termasuk pembelian barang, sewa bangunan, peralatan kendaraan dan mesin dan peralatan, sewa tanah, pembayaran kerja yang di sub-kontrak, perkhidmatan elektrik dan air, telekomunikasi, perkhidmatan profesional seperti undang-undang dan perakaunan, pengiklanan, percetakan, susutnilai dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi syarikat/perusahaan (kecuali bayaran pekerja).

## **BAHAGIAN I - J : TRANSAKSI PERKHIDMATAN ANTARABANGSA**

- 3.37 **Residen dan Bukan Residen:** Bukan residen ialah mana-mana perseorangan, perusahaan atau pertubuhan lain yang biasanya tinggal di negara lain selain Negara Brunei Darussalam. Cawangan Negara Brunei Darussalam dan subsidiari-subsidiari syarikat bukan residen adalah residen Negara Brunei Darussalam. Begitu juga, cawangan-

cawangan asing dan subsidiari syarikat-syarikat Negara Brunei Darussalam adalah bukan residen.

**Maklumat yang tidak perlu** dilaporkan dalam bahagian borangtanya ini adalah seperti berikut:

- barangan eksport atau import;
- pendapatan daripada atau pembayaran kepada bukan residen bagi perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan;
- pendapatan daripada atau bayaran kepada bukan residen bagi faedah atau dividen.

**Keterangan geografi:** Setiap soalan adalah bertujuan untuk mencari maklumat mengenai transaksi sesebuah negara. Catatkan negara kediaman pengantar bukan residen dan nilaiakan transaksi vis-à-vis setiap negara. Sila lihat contoh seperti berikut:

BAHAGIAN J Section J		TRANSAKSI PERKHIDMATAN ANTARABANGSA 2015 - PEMBAYARAN KEPADA BUKAN RESIDEN International Services Transactions 2015 - Payments to Non-Residents			
Keterangan Particulars		Jumlah Total	Transaksi mengikut Negara Transactions by Country		
			Sila Nyatakan Negeri / Specify Country		
Pembayaran daripada Bukan Residen ( Jangan lapor perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan) Payments from Non-Residents ( Do not report transport and travel services)			Negeri/Country 1 Hong Kong	Negeri/Country 2 Malaysia	Negeri/Country 3 Singapore
B.1 Pembinaan dan Pemasangan Construction and Installation		100		100	
B.2 Perkhidmatan berkaitan dengan pengeluaran minyak dan gas Services incidental to oil and gas extraction		300	200		100

Barangan perkhidmatan tertentu;

- Pembinaan:** Meliputi penciptaan, pengubahsuaian, pemberian atau tambahan kepada bangunan, pemberian tanah yang bersifat kejuruteraan dan lain-lain pembinaan kejuruteraan seperti jalan raya, jambatan, empangan, dan sebagainya. Ia juga termasuk kerja-kerja berkaitan dengan pemasangan dan pengurusan projek-projek pembinaan.
- Perkhidmatan berkaitan dengan pengeluaran minyak dan gas:** Termasuk perkhidmatan perlombongan yang terdapat di lapangan minyak dan lapangan gas, termasuk penggerudian, bangunan derek, perkhidmatan

pembaikan dan rombakan, dan perkhidmatan kasing telaga bagi minyak dan gas. Juga termasuk adalah perkhidmatan yang berkaitan dengan galian mineral dan penerokaan, serta perlombongan kejuruteraan dan ukur geologi.

**3. Perkhidmatan pemeliharaan dan pembaikan:** Termasuk caj bagi pemeliharaan dan pembaikan dan nilai mana-mana bahagian dan bahan-bahan yang dimasukkan ke dalam bayaran yang dikenakan. Pembaikan dan pemeliharaan di atas kapal, pesawat, dan kelengkapan pengangkutan lain dimasukkan dalam perkara ini.

**4. Insurans:** Meliputi premium yang dibayar kepada syarikat insurans bukan residen dan tuntutan yang diterima daripada syarikat insurans bukan residen. Ini juga termasuk komisen ejen, broker insurans dan perkhidmatan agensi, insurans dan perkhidmatan perundingan pencen dan sebagainya.

**5. Perkhidmatan Kewangan:** Termasuk pengambilan deposit dan pemberian pinjaman, letter credit, perkhidmatan kad kredit, komisen dan caj berkaitan dengan pajakan kewangan, pemfaktoran, penaja jaminan, penjelasan pembayaran, khidmat nasihat kewangan, penjagaan aset kewangan, pengurusan aset kewangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kewangan.

**6. Caj bagi penggunaan harta intelek:** Termasuk caj bagi penggunaan paten, tanda perdagangan, hak cipta, pemerosesan dan rekabentuk perindustrian termasuk francais. Jualan/pembelian paten, hak cipta, dan pemerosesan dan reka bentuk perindustrian secara nyata termasuk dalam perkara 8.

**7. Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan informasi:** Perkhidmatan telekomunikasi termasuk caj bagi siaran atau transmisi bunyi, imej, data atau maklumat lain melalui telefon, teleks, radio, dan televisyen kabel/satelit transmisi, faksimili dan lain-lain. Ini termasuk perkhidmatan telekomunikasi bergerak, perkhidmatan backbone internet, perkhidmatan akses dalam talian. Perkhidmatan komputer terdiri daripada perkakasan dan perisian perkhidmatan yang berkaitan dan perkhidmatan pemprosesan data. Ini juga termasuk, pemasangan perkakasan dan perisian, penyelenggaraan dan pembaikan komputer, penyelenggaraan sistem dan perkhidmatan sokongan yang lain, pemprosesan data dan pengendalian perkhidmatan dan lain-lain. Perkhidmatan informasi termasuk perkhidmatan agensi berita, perkhidmatan pangkalan data dan sebagainya.

**8. Penyelidikan dan perkembangan:** Perkhidmatan yang berkaitan dengan penyelidikan dan perkembangan bagi pemerosesan dan produk baru. Jumlah

yang dibayar untuk penggunaan hak harta hasil daripada penyelidikan dan perkembangan termasuk di bawah caj penggunaan harta intelek (perkara 6).

**9. Perkhidmatan profesional dan pengurusan pentadbiran:** Termasuk perkhidmatan undang-undang, perakaunan, perundingan pengurusan, perkhidmatan pengurusan, perkhidmatan perhubungan awam, dan pengiklanan dan perkhidmatan penyelidikan pasaran. Juga termasuk perkhidmatan bagi cawangan pengurusan am, anak-anak syarikat atau rakan-rakan yang disediakan oleh perusahaan induk asing atau lain-lain perusahaan tergabung.

**10. Perkhidmatan teknikal, perdagangan dan perkhidmatan perniagaan lain:** Termasuk seni bina, kejuruteraan, dan lain-lain perkhidmatan teknikal; rawatan pembuangan sisa dan perkhidmatan pertanian; perkhidmatan operasi pajakan (sewa) bagi kapal, kapal terbang, dan peralatan pengangkutan; komisen keatas barang dan transaksi perkhidmatan yang dibayar kepada pedagang, broker komoditi, peniaga, dan ejen komisen; perkhidmatan keselamatan dan penyiasatan; terjemahan dan tafsiran; perkhidmatan fotografi; dll.

**11. Perkhidmatan peribadi, kebudayaan dan rekreasi:** Termasuk sewa audiovisual dan produk yang berkaitan dan caj bagi akses kepada encrypted saluran televisyen (seperti kabel dan perkhidmatan satelit). Yuran kepada pelakon, pengarah, dan pengeluar yang terlibat dalam teater, produksi muzikal, kegiatan sukan, sarkas, dan lain-lain termasuk dalam perkara ini.

#### **BAHAGIAN K : NILAI INVENTORI/ STOK**

3.38 Sila nyatakan nilai bagi kesemua inventori yang dipunyai atau dikawal oleh perusahaan/perniagaan ini pada awal dan akhir tahun 2015 (atau mengikut tahun perakaunan). Nilai yang digunakan ialah berdasarkan harga semasa dan bukannya harga asal.

#### **BAHAGIAN L : SITUASI PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2016 & 2017**

3.39 Sila tandakan ✓ di dalam petak yang disediakan dan isikan maklumat yang berkenaan.

- 3.40 Sila nyatakan jumlah jawatan kosong yang perlu diisikan di syarikat awda pada tahun 2016 dan nyatakan jumlah yang telah diisikan sehingga 30.6.2016.

**BAHAGIAN M: PENGGUNAAN TEKNOLOGI INFO-KOMUNIKASI**

- 3.41 Sila tandakan ✓ di dalam petak yang disediakan dan isikan maklumat yang berkenaan.

**BAHAGIAN N : MAKLUMAT TAMBAHAN**

- 3.42 Sila tandakan ✓ di dalam petak yang disediakan bagi kesediaan awda untuk menggunakan kaedah secara online untuk mengisikan borangtanya benci ekonomi di masa hadapan.
- 3.43 Sila gunakan ruang yang disediakan bagi sebarang maklumat tambahan atau jika ruang yang diberikan bagi soalan tertentu tidak mencukupi.

**BAHAGIAN O : PENGAKUAN**

